

19 MAR 2001

SERAMAI 800 ORANG SAHKAN PENYERTAAN DALAM KONGRES EKONOMI

KOTA KINABALU, 19 Mac (Bernama) -- Seramai 800 orang telah mengesahkan penyertaan mereka pada Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 pada hujung minggu ini yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pemasaran dan Pendaftaran kongres itu, Doris Siguty, penganjur akan membuka kaunter pendaftaran sehari lebih awal iaitu pada Jumaat mulai pukul 1 petang bagi membolehkan pendaftaran awal.

Kongres sebenar akan berlangsung selama dua hari iaitu pada Sabtu dan Ahad ini.

"Memandangkan bilangan penyertaan melebihi anggaran, mereka dinasihati supaya mendaftar lebih awal di Magellan Sutera Hotel & Spa dan tiba awal pada hari kongres bagi memudahkan tugas pendaftaran serta melicinkan perjalanan kongres," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata pembentangan kertas kerja yang pertama akan diadakan pada pukul 8 pagi sebelum ditangguhkan pada kira-kira pukul 10.30 pagi untuk upacara perasmian.

Kongres berkenaan adalah anjuran kerajaan negeri dengan kerjasama beberapa dewan perniagaan di negeri ini.

-- BERNAMA

JS AKD